



# **GARIS PANDUAN PELAKSANAAN**

## **AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010**

### **[ AKTA 711 ]**

**BAHAGIAN HAL EHWAH UNDANG-UNDANG,  
JABATAN PERDANA MENTERI**



## ISI KANDUNGAN GARIS PANDUAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.	Tujuan	4
2.	Tafsiran	4
3.	Pengenalan	7
4.	Pendedahan kelakuan tidak wajar / aduan tindakan yang memudaratkan	8
	A) Pendedahan Kelakuan Tidak Wajar	8
	B) Aduan Tindakan Yang Memudaratkan	15
	C) Pengurusan dan penyimpanan maklumat sulit	19
5.	Penentuan kesesuaian dijadikan pemberi maklumat	20
6.	Penentuan bidang kuasa untuk menyiasat pendedahan kelakuan tidak wajar/ aduan tindakan yang memudaratkan	22
7.	Pengurusan hasil siasatan pendedahan kelakuan tidak wajar/ aduan tindakan yang memudaratkan;	28
8.	Tatacara menerima dan menguruskan permohonan daripada pemberi maklumat atau orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat untuk menguatkuasakan remedii	28
9.	Tatacara menamatkan sesuatu perlindungan dibawah perenggan 11(1)(a)-(f)	31
10.	Tatacara memberi ganjaran kepada mana-mana pemberi maklumat di mana pendedahan kelakuan tidak wajar/ aduan tindakan yang memudaratkan olehnya menjurus kepada pengesanan atau pendakwaan ke atas sesuatu kesalahan	34
11.	Maklumat Tambahan	36
12.	Lampiran A – SOP dan Borang yang berkaitan	37

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN  
AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010 [AKTA 711]**

**TUJUAN**

Garis Panduan ini adalah bertujuan untuk menjelaskan tanggungjawab dan proses kerja setiap agensi penguatkuasaan berhubung dengan perlindungan pemberi maklumat, pendedahan kelakukan tidak wajar, aduan tindakan yang memudaratkan, remedи dan ganjaran seperti yang terkandung di dalam Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711].

**TAFSIRAN**

Bagi tujuan Garis Panduan ini,

- a. "agenzi penguatkuasaan" ertinya—
  - (i) mana-mana kementerian, jabatan, agensi atau badan lain yang dibentuk oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau kerajaan tempatan termasuk suatu unit, seksyen, bahagian, jabatan atau agensi kementerian, jabatan, agensi atau badan itu, yang diberi fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan oleh mana-mana undang-undang bertulis atau yang mempunyai kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan;
  - (ii) suatu badan yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri yang diberi fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri itu atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain; atau

- (iii) suatu unit, seksyen, bahagian, jabatan atau agensi sesuatu badan yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri yang mempunyai fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan;
- b. "kelakuan tidak wajar" ertinya apa-apa kelakuan yang jika terbukti, menjadi suatu kesalahan tatatertib atau kesalahan jenayah;
- c. "**maklumat sulit**" termasuklah—
- (i) maklumat tentang identiti, pekerjaan, alamat kediaman, alamat kerja atau tempat beradanya—
    - (A) seseorang pemberi maklumat; dan
    - (B) seseorang yang terhadapnya seseorang pemberi maklumat telah membuat pendedahan kelakuan tidak wajar;
  - (ii) maklumat yang didedahkan oleh seseorang pemberi maklumat; dan
  - (iii) maklumat yang, jika didedahkan, boleh menyebabkan mudarat kepada mana-mana orang;
- d. "**pemberi maklumat**" ertinya mana-mana orang yang membuat pendedahan kelakuan tidak wajar kepada agensi penguatkuasaan di bawah seksyen 6 Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711];

- e. “**tindakan yang memudarangkan**” termasuklah—
- (i) tindakan yang menyebabkan kecederaan, kehilangan atau kerosakan;
  - (ii) ugutan atau gangguan;
  - (iii) gangguan terhadap pekerjaan sah atau mata pencarian mana-mana orang, termasuk diskriminasi, penamatan perkhidmatan, penurunan pangkat, gantung kerja, keadaan yang merugikan, penamatan atau layanan buruk berhubungan dengan pekerjaan, kerjaya, profesi, tred atau perniagaan mana-mana orang atau pengambilan tindakan tatatertib; dan
  - (iv) suatu ancaman untuk mengambil mana-mana tindakan yang disebut dalam perenggan (i) hingga (iii).

## **PENGENALAN**

Setiap agensi penguatkuasaan hendaklah memastikan bahawa setiap pegawai yang terlibat dengan penguatkuasaan memahami tanggungjawab dan proses kerja untuk melaksanakan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] berhubung dengan –

- (i) Pendedahan kelakuan tidak wajar/ aduan tindakan yang memudaratkan;
- (ii) Penentuan kesesuaian dijadikan pemberi maklumat;
- (iii) Penentuan bidang kuasa untuk menyiasat pendedahan kelakuan tidak wajar/ aduan tindakan yang memudaratkan;
- (iv) Pengurusan hasil siasatan pendedahan kelakuan tidak wajar/ aduan tindakan yang memudaratkan;
- (v) Tatacara menerima dan menguruskan permohonan daripada pemberi maklumat atau orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat untuk menguatkuasakan remedi;
- (vi) Tatacara menamatkan sesuatu perlindungan dibawah perenggan 11(1)(a)-(f); dan
- (vii) Tatacara memberi ganjaran kepada mana-mana pemberi maklumat di mana pendedahan kelakuan tidak wajar/ aduan tindakan yang memudaratkan olehnya menjurus kepada pengesanan atau pendakwaan ke atas sesuatu kesalahan.

(i) **PENDEDAHAN KELAKUAN TIDAK WAJAR/ ADUAN TINDAKAN YANG MEMUDARATKAN**

A. **Pendedahan Kelakuan Tidak Wajar**

Sesuatu pendedahan kelakuan tidak wajar yang diterima di bawah subseskyen 6(1) Akta 711 yang boleh diberi perlindungan di bawah Akta ini hendaklah memenuhi tiga (3) pertimbangan yang berikut-

- (a) Kebolehan untuk menentukan identiti, alamat dan kebolehan untuk menghubungi pemberi maklumat;
- (b) Kebolehan/ keupayaan untuk melindungi maklumat sulit;
- (c) Maklumat yang terkandung di dalam pendedahan kelakuan tidak wajar itu tidak terlarang di bawah mana-mana undang-undang bertulis seperti akta sedia ada yang memberi perlindungan kepada pemberi maklumat, Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88], Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53], Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 [Akta 372] (BAFIA), Akta Profesion Undang-Undang 1976 [Akta 166] dan akta-akta lain.

1. Setiap agensi penguatkuasaan hendaklah menetapkan kaedah membuat pendedahan kelakuan tidak wajar yang akan membolehkan perlindungan di bawah Akta ini dapat diberikan. Kaedah membuat pendedahan kelakuan tidak wajar yang boleh dipertimbangkan adalah sebaik-baiknya menerusi-

- (a) Kehadiran sendiri pemberi maklumat sama ada di pejabat pegawai penguatkuasaan atau di mana-mana tempat lain pemberi maklumat itu berjumpa dengan pegawai penguatkuasaan untuk membuat pendedahan kelakuan tidak wajar itu; atau
- (b) Pendedahan yang dibuat secara surat yang memberikan maklumat yang jelas tentang nama, identiti dan alamat pemberi maklumat itu dan bagaimana dia boleh dihubungi.

Setiap pegawai penguatkuasaan yang menerima apa-apa pendedahan kelakuan tidak wajar yang selain daripada kaedah yang ditetapkan oleh sesebuah agensi penguatkuasaan hendaklah memaklumkan kepada pemberi maklumat bahawa dia tidak boleh mendapat perlindungan di bawah Akta 711 menerusi kaedah membuat pendedahan kelakuan tidak wajar tersebut. Oleh yang demikian, pegawai yang menerima pendedahan kelakuan tidak wajar menerusi kaedah selain daripada kaedah yang telah ditetapkan oleh agensi penguatkuasaan berkenaan hendaklah memaklumkan kepada pemberi maklumat akan kaedah yang telah ditetapkan oleh agensi penguatkuasaan itu dengan serta-merta atau seberapa segera tentang kaedah membuat pendedahan kelakuan tidak wajar yang ditetapkan oleh sesebuah agensi penguatkuasaan yang berkenaan. Apa-apa pendedahan kelakuan tidak wajar yang dibuat yang tidak mematuhi kaedah yang telah ditetapkan oleh sesebuah agensi

penguatkuasaan yang berkenaan tetapi tidak menjasakan pematuhan ke atas perenggan 1 di atas, boleh dibuat pendedahan kelakuan tidak wajar semula oleh pemberi maklumat mengikut kaedah yang ditetapkan oleh sesebuah agensi penguatkuasaan itu bagi membolehkan perlindungan diberikan kepada pemberi maklumat itu.

2. Mana-mana kaedah pendedahan kelakuan tidak wajar yang berkeupayaan untuk mendedahkan atau mengakibatkan maklumat sulit atau mana-mana bahagian daripadanya terdedah atau bocor kepada mana-mana pihak lain hendaklah dielakkan daripada diguna pakai sebagai kaedah untuk membuat sesuatu pendedahan kelakuan tidak wajar oleh pemberi maklumat kepada agensi penguatkuasaan.
3. Mana-mana pendedahan kelakuan tidak wajar yang dibuat selain daripada kaedah yang disyorkan hendaklah dianggap sebagai pendedahan yang tidak mematuhi Garis Panduan ini dan perlindungan ke atas pemberi maklumat dibawah subseksyen 7(1) Akta 711 tidak boleh diberikan kepada orang yang membuat pendedahan kelakuan tidak wajar itu. Namun begitu, pendedahan kelakuan tidak wajar itu hendaklah diterima dan siasatan boleh dibuat oleh mana-mana agensi penguatkuasaan walaupun perlindungan di bawah Akta 711 tidak diberikan.

Dalam keadaan di mana suatu pendedahan kelakuan tidak wajar dibuat selain daripada kaedah yang ditetapkan oleh

mana-mana agensi penguatkuasaan, pemberi maklumat dan agensi penguatkuasaan yang menerima pendedahan kelakuan tidak wajar itu hendaklah sentiasa memastikan kerahsiaan berkaitan pendedahan kelakuan tidak wajar itu.

4. Agensi penguatkuasaan yang menerima pendedahan kelakuan tidak wajar yang tidak mendapat perlindungan di bawah Akta 711 kerana tidak mematuhi peruntukan Bahagian ini, hendaklah membuat penentuan mengenai bidang kuasa siasatan yang dimiliki olehnya dan sama ada pendedahan itu wajar disiasat berdasarkan merit maklumat yang diterima selaras dengan SOP agensi penguatkuasaan masing-masing.
5. Pendedahan kelakuan tidak wajar yang tidak memungkinkan identiti sebenar atau maklumat tentang tempat atau saluran untuk menghubungi pemberi maklumat itu ditentukan atau tidak memungkinkan keselamatan maklumat sulit itu dilindungi hendaklah dianggap sebagai suatu pendedahan kelakuan tidak wajar yang tidak memenuhi syarat-syarat pembuatan sesuatu kelakuan tidak wajar di bawah subseksyen 6(1) dan hendaklah tidak melayakkan pemberi maklumat diberi perlindungan di bawah subseksyen 7(1) Akta 711.
6. Antara kaedah pendedahan kelakuan tidak wajar yang dirujuk di dalam perenggan 6 di atas boleh berupa seperti pendedahan melalui surat layang, sms, e-mel atau surat

yang tidak mempunyai maklumat lengkap tentang identiti atau alamat di mana pemberi maklumat boleh dihubungi.

7. Pegawai penguatkuasa yang menerima sesuatu pendedahan kelakuan tidak wajar yang dibuat secara lisan hendaklah merekodkan pendedahan tersebut secara bertulis dan membaca kembali pendedahan kelakuan tidak wajar itu kepada pemberi maklumat dan mendapat pengesahan daripada pemberi maklumat mengenai ketepatan isi kandungan maklumat di dalam pendedahan kelakuan tidak wajar tersebut. Sekiranya pemberi maklumat berpuas hati dengan pendedahan kelakuan tidak wajar yang direkodkan oleh pegawai penguatkuasaan itu, pemberi maklumat hendaklah menandatangani atau menurunkan cap jarinya sebagai bukti pengakuan bahawa dia telah membuat pendedahan kelakuan tidak wajar itu.
8. Boleh terdapat keadaan di mana Pemberi maklumat enggan membuat apa-apa catatan secara bertulis kerana bimbang tentang keselamatannya. Amalan sebegini mungkin telah dibuat di bawah Akta sedia ada yang melindungi pemberi maklumat (informer). Kelemahan kaedah ini ialah tiada bukti untuk menunjukkan bahawa seseorang itu telah membuat pendedahan kelakuan tidak wajar bagi mendapatkan perlindungan di bawah subseksyen 7(1) Akta 711. Oleh itu, kaedah yang dinyatakan di atas adalah merupakan suatu cara yang boleh diguna pakai sebagai kaedah yang boleh

menunjukkan bahawa sesuatu pendedahan kelakuan tidak wajar telah diterima oleh agensi penguatkuasaan itu.

9. Jika pemberi maklumat itu enggan membuat pendedahan kelakuan tidak wajar secara bertulis atau enggan menandatangani apa-apa catatan yang direkodkan oleh pegawai yang menerima pendedahan kelakuan tidak wajar itu, alternatif yang dapat diguna pakai ialah pegawai yang menerima pendedahan itu hendaklah mencatatkan/merekodkan pendedahan tersebut secara bertulis dan menandatangani catatan tersebut berserta masa dan tarikh pendedahan itu diterima olehnya dan memaklumkan kepada pihak atasannya mengenai perkara ini. Pegawai itu juga hendaklah mencatatkan bahawa pemberi maklumat enggan menandatangani dokumen yang mengandungi maklumat pendedahan kelakuan tidak wajar yang dibuat olehnya dan sebab-sebab dia enggan berbuat demikian. Dalam keadaan yang sedemikian, perlindungan di bawah Akta 711 hendaklah juga diberikan kepada pemberi maklumat selagi ia tidak dilarang oleh proviso kepada subseksyen 6(1).
10. Setiap agensi penguatkuasaan hendaklah menyediakan suatu buku daftar dan mendaftarkan setiap pemberi maklumat yang memenuhi kriteria yang ditetapkan di dalam perenggan 1 di atas dengan mengambil contoh pendekatan yang diguna pakai oleh PDRM, SPRM, Jabatan Kastam, Jabatan Imigresen, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

11. Mana-mana orang yang –
- (a) sebelum membuat pendedahan kelakuan tidak wajar kepada sesebuah agensi penguatkuasaan, telah mendedahkan maklumat berkaitan dengan kelakuan tidak wajar itu atau mana-mana bahagian maklumat tersebut kepada mana-mana pihak lain selain daripada mana-mana agensi penguatkuasaan yang lain; atau
  - (b) setelah membuat pendedahan kelakuan tidak wajar kepada sesebuah agensi penguatkuasaan, telah mendedahkan maklumat berkaitan dengan kelakuan tidak wajar itu atau mana-mana bahagian maklumat tersebut kepada mana-mana pihak lain selain daripada mana-mana agensi penguatkuasaan yang lain,

tidak boleh diberi perlindungan dibawah Akta ini kerana perlindungan maklumat sulit dapat dikuatkuasakan atau telah dilanggar. Dalam keadaan kes yang dirujuk dalam perenggan (b), perlakuan oleh pemberi maklumat itu terjumlah kepada suatu kesalahan yang melanggar subseksyen 8(1) dan boleh dihukum di bawah subseksyen 8(4).

Pemberi maklumat dan setiap agensi penguatkuasaan yang menerima pendedahan kelakuan tidak wajar itu hendaklah sentiasa memastikan kerahsiaan berkaitan pendedahan kelakuan tidak wajar itu.

12. Dalam keadaan di bawah perenggan 12 di atas juga, perbuatan tersebut adalah melanggar peruntukan subseskyen 8(1) dan perlindungan dibawah Akta ini hendaklah –
- (i) tidak boleh diberikan; atau
  - (ii) jika telah diberikan, hendaklah tertakluk untuk dibatalkan dibawah perenggan 11(1)(f).

**B. Aduan Tindakan Yang Memudaratkan**

1. Pemberi maklumat atau mana-mana orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat boleh membuat aduan tindakan yang memudaratkan.
2. Agensi penguatkuasaan hendaklah menentukan jenis tindakan yang memudaratkan yang jatuh di bawah kuasa penyiasatan agensi masing-masing.
3. Jika agensi penguatkuasaan yang menerima aduan tindakan yang memudaratkan itu tiada kuasa untuk menyiasat ke atas aduan tindakan yang memudaratkan yang diadu, agensi penguatkuasaan tersebut hendaklah merujukkan aduan tindakan yang memudaratkan tersebut kepada agensi penguatkuasaan yang bersesuaian/ berkenaan dan memaklumkan perkara itu kepada pemberi maklumat.

4. Jika tindakan yang memudaratkan yang diadukan tersebut jatuh dibawah bidang kuasa agensi penguatkuasaan tersebut, agensi penguatkuasaan tersebut hendaklah menjalankan siasatan untuk menentukan –
  - (a) siapakah yang telah melakukan tindakan yang memudaratkan tersebut; dan
  - (b) bawaha tindakan yang memudaratkan tersebut telah diambil sebagai tindakan balas ke atas pendedahan kelakuan tidak wajar yang dibuat oleh pemberi maklumat.
5. Jika hasil siasatan menunjukkan pemberi maklumat atau orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat membuat aduan tindakan yang memudaratkan yang tidak berkaitan dengan pendedahan kelakuan tidak wajar yang dibuat oleh pemberi maklumat, pemberi maklumat atau orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat tersebut tidak berhak untuk mendapatkan remedi di bawah Akta 711.
6. Di bawah Akta 711, pembatalan di bawah perenggan 11(1)(f) adalah berkaitan dengan kesalahan atau perlakuan yang dilakukan ketika membuat pendedahan kelakuan tidak wajar atau memberikan maklumat lanjut berkaitan dengan pendedahan kelakuan tidak wajar tersebut sahaja.
7. Jika seseorang pemberi maklumat atau orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat memberi maklumat palsu ketika membuat aduan tindakan yang

memudaratkan, dia tidak boleh dilindungi daripada imuniti tanggungan sivil, tata tertib atau jenayah. Imuniti daripada tanggungan sivil, tata tertib atau jenayah diberikan terhadap pendedahan kelakuan tidak wajar yang dibuat olehnya sahaja. Oleh sebab yang demikian, dia boleh dipertanggungkan dengan liabiliti sivil, tata tertib atau jenayah atas maklumat palsu yang diberikan olehnya berkaitan dengan aduan tindakan yang memudaratkan yang dibuat olehnya.

8. Dalam keadaan yang demikian, agensi penguatkuasaan hendaklah menentukan kesan maklumat palsu yang diberikan oleh pemberi maklumat atau orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat di dalam aduan tindakan yang memudaratkan itu. Jika maklumat palsu itu boleh mendatangkan penganiayaan kepada mana-mana orang sebagai bertanggungjawab melakukan tindakan yang memudaratkan itu, pemberi maklumat atau orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat itu tidak berhak untuk mendapatkan remedii.
9. Jika kesan maklumat palsu yang diberikan tidak mendatangkan penganiayaan kepada mana-mana orang sebagai bertanggungjawab melakukan tindakan yang memudaratkan itu, pemberi maklumat atau orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat itu berhak untuk mendapatkan remedii.

10. Jika tindakan yang memudaratkan telah diambil terhadap seseorang pemberi maklumat atau orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat, ia boleh membuat aduan tindakan yang memudaratkan kepada agensi penguatkuasaan yang berkenaan di bawah subseksyen 10(2). Aduan tindakan yang memudaratkan tersebut hendaklah disiasat sama seperti siasatan ke atas pendedahan kelakuan tidak wajar dan pemberi maklumat atau orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat hemdaklah dimaklumkan tentang hasil siasatan tersebut. Pemberi maklumat atau orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat boleh membuat permintaan di bawah seksyen 15 untuk mendapatkan remedi.
11. Jika tindakan yang memudaratkan belum diambil tetapi pemberi maklumat atau orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat bimbang tindakan yang memudaratkan akan diambil terhadapnya, ia masih boleh membuat permintaan untuk mendapatkan remedi di bawah perenggan 15(1)(b). Agensi penguatkuasaan hendaklah menyiasat sama ada terdapat sebab yang munasabah untuk kebimbangan tersebut dan menentukan bentuk remedi yang bersesuaian untuk dipohon bagi pihak pemberi maklumat atau orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat .
12. Jika terdapat tindakan yang memudaratkan diambil ke atas pemberi maklumat atau orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat dan penyiasatan menunjukkan bahawa

tindakan yang memudaratkan tersebut tiada kaitan dengan kelakuan tidak wajar yang didedahkan, agensi penguatkuasaan harus menentukan –

- (a) sebab tindakan yang memudaratkan diambil terhadap pemberi maklumat atau orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat tersebut; dan
- (b) sama ada pemberi maklumat atau orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat tahu bahawa tindakan yang memudaratkan tersebut tiada kaitan dengan pendedahan kelakuan tidak wajar yang dibuat oleh pemberi maklumat.

13. Jika tindakan yang memudaratkan yang diadukan tersebut tiada kaitan dengan kelakuan tidak wajar yang didedahkan dan pemberi maklumat atau orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat tidak tahu sebab tindakan yang memudaratkan tersebut diambil ke atasnya, dia tidak boleh dipertanggungkan dengan tanggungan tatatertib, sivil atau jenayah. Namun demikian, ia juga tidak berhak untuk memohon remedii di bawah seksyen 15 Akta 711.

C. Pengurusan dan penyimpanan maklumat sulit

1. Setiap agensi penguatkuasaan hendaklah melaksanakan pengurusan berkaitan dengan penerimaan dan penjagaan maklumat sulit dengan memberi keutamaan bagi memastikan keselamatan ke atas maklumat sulit itu dilindungi daripada didedahkan, terdedah atau bocor

kepada mana-mana pihak lain. Sesiapa yang menerima maklumat sulit atau mana-mana bahagiannya kerana keperluan dalam menjalankan siasatan hendaklah memastikan maklumat sulit itu sentiasa dilindungi daripada didedahkan atau dibocorkan kepada mana-mana orang lain.

2. Kegagalan untuk melindungi maklumat sulit merupakan suatu kesalahan di bawah subseksyen 8(1) Akta ini dan boleh dipertanggungkan di bawah subseksyen 8(4).

(ii) **PENENTUAN KESESUAIAN DIJADIKAN PEMBERI MAKLUMAT**

1. Perlindungan pemberi maklumat di bawah Akta 711 adalah sesuai diberikan kepada seseorang yang membuat pendedahan keluan tidak wajar dan bukan merupakan –
  - (i) mangsa kejadian; atau
  - (ii) seseorang yang berpotensi untuk menjadi saksi utama berdasarkan kepada pengetahuannya secara langsung atau penglibatannya secara langsung melainkan keterangan itu boleh diperolehi dan dikemukakan oleh mana-mana saksi lain.
2. Sekiranya seseorang pemberi maklumat itu tergolong di dalam kategori di atas sewajarnya mereka dijadikan saksi dan diberikan perlindungan di bawah program perlindungan saksi jika takut atau bimbang akan keselamatan mereka.

3. Sekiranya pemberi maklumat yang dirujuk dalam perenggan 1 di atas masih enggan menjadi saksi, mereka hendaklah diberikan perlindungan pemberi maklumat dengan syarat mereka hendaklah dimaklumkan bahawa tindakan lanjut untuk pendakwaan kes tersebut mungkin akan terjejas kerana ketiadaan saksi atau keupayaan untuk berjaya dalam sesuatu kes pendakwaan mungkin terjejas kerana ketiadaan saksi utama. Maklumat yang diperolehi daripada pemberi maklumat ini bolehlah dijadikan sebagai maklumat untuk perisikan (intelligence information) kepada agensi penguatkuasaan untuk memantau dan mengikuti aktiviti dan kegiatan suspek berkaitan dengan apa-apa perbuatan salah laku.
4. Sekiranya seseorang pemberi maklumat yang tergolong didalam perenggan 1 masih menginginkan perlindungan pemberi maklumat diberikan kepadanya tetapi enggan dijadikan saksi, mana-mana pegawai penguatkuasa yang menerima permintaan oleh pemberi maklumat tersebut hendaklah membuat catatan di dalam borang pendedahan kelakuan tidak wajar itu berserta dengan sebab-sebab yang diminta oleh pemberi maklumat itu dan ditandatangani oleh pemberi maklumat tersebut berserta tarikh, waktu dan tempat dan memaklumkan pihak atasannya mengenai perkara ini. Sekiranya pemberi maklumat itu enggan menandatangani borang pendedahan kelakuan tidak wajar itu, pegawai penguatkuasaan itu hendaklah mencatatkan bahawa pemberi maklumat enggan menandatangani borang pendedahan kelakuan tidak wajar tersebut dan sebab-sebab dia enggan berbuat demikian berserta dengan waktu, tarikh dan tempat dan memaklumkan pihak atasannya mengenai perkara itu.

(iii) PENENTUAN BIDANG KUASA UNTUK MENYIASAT PENDEDAHAN KELAKUAN TIDAK WAJAR/ ADUAN TINDAKAN YANG MEMUDARATKAN

1. Siasatan hendaklah dijalankan mengikut bidang kuasa yang telah diperuntukkan menerusi Akta berkenaan kepada setiap agensi penguatkuasaan.
2. Jika pendedahan kelakuan tidak wajar tidak jatuh di bawah bidang kuasa agensi penguatkuasaan yang menerima pendedahan kelakuan tidak wajar tersebut, pemberi maklumat hendaklah diberitahu mengenai perkara tersebut dan persetujuan pemberi maklumat perlu diperolehi untuk menyalurkan pendedahan kelakuan tidak wajar tersebut kepada agensi penguatkuasaan yang bersesuaian.

Dalam menentukan sama ada agensi penguatkuasaan itu mempunyai bidang kuasa ke atas pendedahan kelakuan tidak wajar yang hendak dibuat oleh pemberi maklumat itu, pegawai yang hendak menerima pendedahan itu hendaklah bertanya pemberi maklumat itu sama ada pendedahan kelakuan tidak wajar itu melibatkan apa-apa perkara yang berkaitan dengan agensi penguatkuasaan itu atau mana-mana pegawai atau kakitangan agensi tersebut. Sekiranya pemberi maklumat mengesahkan bahawa ia melibatkan apa-apa perkara yang berkaitan dengan agensi penguatkuasaan itu atau mana-mana pegawai atau kakitangannya maka agensi penguatkuasaan itu seharusnya mempunyai bidang kuasa untuk menyiasat ke atas pendedahan kelakuan tidak wajar itu.

Sebaliknya jika kelakuan tidak wajar yang hendak didedahkan itu tidak melibatkan agensi penguatkuasaan itu, pegawai itu hendaklah menerangkan kepada pemberi maklumat bahawa agensi penguatkuasaan itu tidak mempunyai bidang kuasa untuk menyiasat ke atas pendedahan kelakuan tidak wajar itu, dan dalam keadaan sedemikian kelakuan tidak wajar yang hendak didedahkan oleh pemberi maklumat itu perlu disalurkan kepada agensi penguatkuasaan lain yang mempunyai bidang kuasa untuk mengendalikan siasatan ke atas kelakuan tidak wajar yang hendak didedahkan itu.

3. Dalam kes di mana agensi penguatkuasaan yang menerima aduan tindakan yang memudaratkan tidak mempunyai bidang kuasa untuk menyiasat aduan tersebut, agensi penguatkuasaan itu hendaklah merujukkan aduan tersebut kepada agensi penguatkuasaan yang berkenaan yang mempunyai bidang kuasa untuk menyiasat ke atas kes aduan tindakan yang memudaratkan itu. Pemberi maklumat hendaklah dimaklumkan berkenaan perkara tersebut.
4. Jika pemberi maklumat tidak bersetuju siasatan tersebut dijalankan oleh agensi penguatkuasaan yang lain, pegawai agensi penguatkuasaan yang menerima pendedahan kelakuan tidak wajar tersebut hendaklah merekodkan perkara tersebut, meminta pemberi maklumat mengesahkan perkara tersebut dan memaklumkan pihak atasannya mengenai perkara ini. Sekiranya pemberi maklumat itu enggan memberikan pengesahan olehnya, pegawai penguatkuasaan itu hendaklah mencatatkan tentang keengganan pemberi maklumat untuk pendedahan kelakuan tidak wajar itu

disalurkan kepada agensi penguatkuasaan yang bersesuaian untuk menyiasat ke atas pendedahan kelakuan tidak wajar itu dan sebab-sebab dia enggan berbuat demikian berserta dengan waktu, tarikh dan tempat dan memaklumkan pihak atasannya mengenai perkara itu.

5. Makluman kepada pegawai atasan yang dirujuk di perenggan 4 di atas hendaklah dibuat secepat mungkin. Jika berlaku sebarang kelewatan, pegawai yang membuat makluman tersebut perlu memberi penjelasan tentang sebab kelewatan tersebut.
6. Jika agensi penguatkuasaan mempunyai bidang kuasa untuk menyiasat ke atas sesuatu pendedahan kelakuan tidak wajar, agensi penguatkuasaan tersebut hendaklah menentukan sama ada wujud merit untuk menyiasat atau tidak ke atas pendedahan kelakuan tidak wajar itu. Sekiranya agensi penguatkuasaan mendapati tiada merit untuk menyiasat ke atas mana-mana pendedahan kelakuan tidak wajar, agensi penguatkuasaan itu hendaklah memaklumkan kepada pemberi maklumat mengenai perkara itu.
7. Setiap penyiasatan hendaklah dijalankan mengikut bidang kuasa yang sedia ada oleh setiap agensi penguatkuasaan yang berkenaan.
8. Jika pemberi maklumat bersetuju penyiasatan ke atas pendedahan kelakuan tidak wajar tersebut disalurkan kepada agensi penguatkuasaan yang lain, agensi penguatkuasaan yang menerima pendedahan kelakuan tidak wajar itu hendaklah menyalurkan pendedahan kelakuan tidak wajar tersebut kepada agensi penguatkuasaan yang berkenaan. Dalam keadaan ini, agensi

penguatkuasaan yang disalurkan pendedahan kelakuan tidak wajar tersebut adalah bertanggungjawab untuk menguatkuasakan perlindungan di bawah Akta ini.

9. Dalam kes apabila pemberi maklumat tidak bersetuju bahawa pendedahan kelakuan tidak wajar yang dibuat olehnya di siasat oleh agensi penguatkuasaan yang lain yang mempunyai bidang kuasa untuk menyiasat ke atas pendedahan kelakuan tidak wajar yang dibuat olehnya seperti yang dirujuk di perenggan 3 di atas, pemberi maklumat tetap boleh mendapat perlindungan di bawah Akta 711 menerusi subseksyen 7(1). Jika pemberi maklumat ingin menguatkuasakan mana-mana perlindungan di bawah Akta 711, agensi penguatkuasaan yang mempunyai bidang kuasa untuk menyiasat ke atas pendedahan kelakuan tidak wajar yang dibuat olehnya hendaklah menjadi agensi penguatkuasaan yang akan menguatkuasakan perlindungan di bawah Akta ini.
10. Dalam kes yang dirujuk di dalam perenggan 9 di atas, mana-mana agensi penguatkuasaan yang tidak mempunyai bidang kuasa untuk menyiasat pendedahan kelakuan tidak wajar itu tetapi menerima permintaan untuk menguatkuasakan perlindungan di bawah Akta ini hendaklah menyalurkan permintaan tersebut kepada agensi penguatkuasaan yang mempunyai bidang kuasa untuk menyiasat ke atas pendedahan kelakuan tidak wajar untuk menguatkuasakan perlindungan di bawah Akta ini kepada pemberi maklumat tersebut.

(iv) **PENGURUSAN HASIL SIASATAN PENDEDAHAN KELAKUAN TIDAK WAJAR/ ADUAN TINDAKAN YANG MEMUDARATKAN**

1. Agensi penyiasatan hendaklah menyediakan laporan ke atas siasatan pendedahan kelakuan tidak wajar/aduan tindakan yang memudaratkan. Laporan itu hendaklah, antara lain, mengandungi hasil dapatan dan syor untuk tindakan selanjutnya.
2. Sekiranya laporan menunjukkan pendedahan kelakuan tidak wajar atau aduan tindakan yang memudaratkan tidak berasas, pemberi maklumat hendaklah dimaklumkan di dalam tempoh yang tidak melebihi 14 hari setelah laporan disediakan.
3. Jika kelakuan tidak wajar atau aduan tindakan yang memudaratkan tersebut menunjukkan kesalahan tatatertib, pejabat/majikan orang yang diadukan itu hendaklah dimaklumkan dan dikemukakan laporan dan syor siasatan tersebut di dalam tempoh yang tidak melebihi 14 hari setelah laporan disediakan.
4. Jika kelakuan tidak wajar atau aduan tindakan yang memudaratkan itu terjumlah kepada suatu kesalahan jenayah, laporan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Pendakwa Raya.
5. Pejabat/majikan yang menerima laporan dan syor daripada agensi penguatkuasaan di bawah perenggan 3 di

atas hendaklah mengambil tindakan tatatertib dalam masa 6 bulan selepas menerima laporan hasil siasatan tersebut dan memaklumkan kepada agensi penguatkuasaan akan hasil keputusan tindakan tatatertib itu atau mengemukakan sebab-sebab jika tiada tindakan tatatertib diambil, mengikut mana yang berkenaan.

6. Jika Pendakwa Raya memutuskan untuk tidak mendakwa, agensi penguatkuasaan hendaklah memaklumkan kepada pemberi maklumat dalam masa 14 hari daripada tarikh mendapat keputusan pendakwa raya.
7. Jika Pendakwa Raya membuat keputusan untuk mendakwa, agensi penguatkuasaan hendaklah mendapatkan laporan berkala mengenai kes itu daripada Pendakwa Raya sehingga kes tersebut diputuskan dan keputusan kes itu hendaklah dimaklumkan kepada pemberi maklumat dalam masa 14 hari daripada tarikh mendapat keputusan pendakwaan dimeterai.
8. Jika selepas memperoleh maklum balas mengenai tindakan tatatertib daripada pejabat/majikan orang yang diadukan tersebut dan agensi penguatkuasaan tidak berpuas hati dengan tindakan atau tiada tindakan yang telah diambil, agensi penguatkuasaan hendaklah mengemukakan laporan kepada Menteri dan memaklumkan kepada pemberi maklumat.

9. Tanggung jawab agensi penguatkuasaan untuk memaklumkan kepada pemberi maklumat akan perkara-perkara yang dirujuk dalam Bahagian ini adalah tertakluk kepada alamat atau nombor telefon terakhir pemberi maklumat yang diketahui atau diberikan oleh pemberi maklumat kepada agensi penguatkuasaan yang berkenaan.

(v) **TATACARA MENERIMA DAN MENGURUSKAN PERMOHONAN DARIPADA PEMBERI MAKLUMAT ATAU ORANG YANG BERKAITAN DENGAN PEMBERI MAKLUMAT UNTUK MENGUATKUASAKAN REMEDI**

1. (a) Pemberi maklumat adalah bertanggungjawab untuk memaklumkan agensi penguatkuasaan akan nama-nama orang yang mempunyai hubungan dengannya dan menjelaskan bagaimana hubungan tersebut wujud;  
(b) Agensi penguatkuasaan hendaklah menguatkuasakan perlindungan terhadap aduan tindakan yang memudaratkan kepada pemberi maklumat atau mana-mana orang yang mempunyai hubungan dengan pemberi maklumat asalkan hubungan antara pemberi maklumat dan orang yang ada hubungan dengannya itu tidak terlalu jauh;  
(c) Penentuan hubungan antara pemberi maklumat dan orang yang dinamakan olehnya bergantung kepada fakta setiap kes dan agensi

- penguatkuasaan boleh merujuk kepada kes terdahulu sebagai rujukan; dan
- (d) Setiap agensi penguatkuasaan hendaklah, ketika membuat siasatan ke atas aduan tindakan yang memudaratkan atau jika tiada aduan tindakan yang memudaratkan dibuat tetapi menerima permohonan untuk menguatkuasakan remedii di bawah perenggan 15(1)(b) Akta 711, menentukan bentuk hubungan di antara pemberi maklumat dengan orang yang mempunyai hubungan dengannya, jika berkenaan, dan bahawa tindakan yang memudaratkan yang dialami olehnya adalah akibat daripada pemberi maklumat membuat pendedahan kelakuan tidak wajar yang berkenaan di bawah Akta 711.
2. Tatacara menentukan orang yang mempunyai hubungan dengan pemberi maklumat jika pemberi maklumat tidak memaklumkan kepada agensi penguatkuasaan nama-nama orang yang mempunyai hubungan dengannya boleh dibuat seperti berikut-
- (a) apabila seseorang datang kepada agensi penguatkuasaan dan mengakui bahawa ia mempunyai kaitan dengan pemberi maklumat yang telah membuat suatu pendedahan kelakuan tidak wajar di bawah Akta 711 untuk membuat aduan tindakan yang memudaratkan, agensi penguatkuasaan hendaklah meminta orang

- tersebut menjelaskan bagaimana hubungannya dengan pemberi maklumat itu wujud;
- (b) pegawai yang menerima aduan tersebut hendaklah menyiasat dan menentukan bahawa tindakan memudaratkan yang diambil terhadap orang itu adalah akibat pendedahan kelakuan tidak wajar yang dibuat oleh pemberi maklumat;
  - (c) jika pemberi maklumat boleh dihubungi, agensi penguatkuasaan hendaklah menghubungi pemberi maklumat tersebut untuk mendapatkan pengesahan tentang orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat yang membuat aduan tindakan yang memudaratkan itu; dan
  - (d) jika pemberi maklumat tidak dapat dihubungi, agensi penguatkuasaan hendaklah membuat ketentuan bahawa hubungan antara pemberi maklumat dan orang yang membuat aduan tindakan yang memudaratkan tersebut tidak terlalu jauh.
3. Jika pemberi maklumat atau orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat membuat permintaan untuk mendapatkan remedi dalam masa 3 bulan selepas mendapatkan laporan hasil penyiasatan daripada agensi penguatkuasaan, agensi penguatkuasaan tersebut adalah bertanggungjawab untuk membuat permohonan menguatkusakan remedi bagi pihak pemberi maklumat atau orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat.

4. Kos untuk memfail permohonan di mahkamah hendaklah dituntut daripada orang yang mengambil tindakan yang memudaratkan terhadap pemberi maklumat atau orang yang berhubungan dengannya tersebut.
5. Jika pemberi maklumat atau orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat bercadang untuk menuntut remedii melalui peguamnya sendiri selepas membuat permohonan kepada agensi penguatkuasaan, pemberi maklumat atau orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat tersebut hendaklah memberitahu agensi penguatkuasaan mengenai perkara itu.
6. Agensi penguatkuasaan hendaklah menyerahkan apa-apa dokumen mengenai permohonan tersebut kepada peguam pilihan pemberi maklumat atau orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat dan apa-apa perbelanjaan yang telah ditanggung oleh agensi penguatkuasaan setakat itu hendaklah dibayar oleh pemberi maklumat atau orang yang berkaitan dengan pemberi maklumat tersebut.

(vi) TATACARA MENAMATKAN SESUATU PERLINDUNGAN DIBAWAH PERENGGAN 11(1)(A) - (F)

1. Perenggan 11(1)(a) – jika pemberi maklumat memberi alasan bahawa dia tidak tahu dia terlibat dengan kelakuan tidak wajar yang didedahkan atau telah dipaksa untuk turut sama terlibat dalam kelakuan tidak wajar tersebut,

perlindungan pemberi maklumat hendaklah juga dibatalkan di bawah perenggan 11(1)(a). Terpulanglah kepada pemberi maklumat untuk berkerjasama dengan agensi penguatkuasaan untuk membantu dalam penyiasatan dan menjadi saksi jika perlu, sebagai "plea bargain" untuk melepaskan dirinya daripada turut didakwa.

2. Perenggan 11(1)(b) – sekiranya sesuatu maklumat yang didedahkan adalah –
  - (a) berdasarkan kepercayaan munasabah pemberi maklumat tersebut; atau
  - (b) pemberi maklumat tersebut tidak tahu bahawa maklumat tersebut tidak benar, dia tidak perlu menentukan sama ada maklumat tersebut adalah benar atau tidak kerana pendedahan kelakuan tidak wajar yang dibuat adalah bersandarkan kepada pengetahuan yang munasabah oleh pemberi maklumat itu.

Dalam kedua-dua kes ini, perlindungan pemberi maklumat tersebut kekal.

3. Perenggan 11(1)(c) – penentuan sama ada sesuatu pendedahan adalah remeh temeh bergantung kepada fakta kes. Garis panduan tentang perkara yang terjumlah kepada remeh temeh hendaklah disediakan oleh agensi penguatkuasaan dengan bantuan Penasihat Undang-

Undang atau Timbalan Pendakwa Raya berdasarkan amalan sedia ada dan nas-nas kes mahkamah.

4. Perenggan 11(1)(d) – agensi penguatkuasaan hendaklah memperoleh maklumat jelas bahawa pendedahan kelakuan tidak wajar tersebut dibuat semata-mata untuk mempersoalkan, mempertikaikan, mengganggu atau menjelaskan pelaksanaan dasar kerajaan sebelum memutuskan untuk membatalkan perlindungan di bawah perenggan ini.
5. Perenggan 11(1)(e) – agensi penguatkuasaan hendaklah membuktikan bahawa pemberi maklumat telah membuat pendedahan untuk menghalang Jabatan atau majikannya mengambil tindakan terhadapnya berhubung dengan kesalahan yang telah dilakukan olehnya sebelum pendedahan kelakuan tidak wajar tersebut. Dalam keadaan ini, agensi penguatkuasaan hendaklah berpuas hati dengan rangkaian keterangan yang dapat mewujudkan pertalian antara pendedahan kelakuan tidak wajar tersebut untuk menghalang tindakan diambil keatas kesalahan yang telah pemberi maklumat tersebut lakukan.
6. Perenggan 11(1)(f) – hasil siasatan agensi penguatkuasaan menunjukkan bahawa pemberi maklumat telah melakukan suatu kesalahan dibawah Akta 711 iaitu sama ada–
  - (a) mendedahkan maklumat sulit: subseksyen 8(4);
  - (b) membuat pernyataan palsu : seksyen 21;

- (c) menghalang pegawai yang diberi kuasa untuk menjalankan tanggungjawabnya: seksyen 22;
  - (d) memusnahkan, memalsukan dan sebagainya dokumen: seksyen 23;
  - (e) bersubahat atau percubaan untuk melakukan kesalahan dibawah Akta ini : seksyen 24
7. Pembatalan perlindungan tersebut hendaklah dimaklumkan secara bertulis kepada pemberi maklumat, tertakluk kepada alamat atau nombor telefon terakhir pemberi maklumat yang diketahui atau diberikan oleh pemberi maklumat kepada agensi penguatkuasaan yang berkenaan, dengan membuat rujukan secara spesifik perenggan yang berkaitan di bawah seksyen 11 Akta 711 yang membatalkan perlindungan tersebut. Ini adalah untuk membolehkan pemberi maklumat merujuk keputusan oleh agensi penguatkuasaan tersebut untuk membatalkan perlindungan di bawah Akta ini kepada mahkamah jika dia tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut.

(vii) **TATACARA MEMBERI GANJARAN KEPADA MANA-MANA PEMBERI MAKLUMAT DIMANA PENDEDAHAN KELAKUAN TIDAK WAJAR/ADUAN TINDAKAN YANG MEMUDARATKAN OLEHNYA MENJURUS KEPADA PENGESANAN ATAU PENDAKWAAN KE ATAS SESUATU KESALAHAN**

1. Ganjaran boleh diberi kepada pemberi maklumat bagi pengesanan kes kelakuan tidak wajar atau tindakan yang

memudaratkan atau pendakwaan orang yang diadukan telah melakukan kelakuan tidak wajar atau tindakan yang memudaratkan tersebut.

2. Formula dan kadar bayaran ganjaran akan ditentukan oleh Kerajaan dalam masa yang terdekat.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Mohamad Nazri".

**YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tarikh: 21 Mac 2011

## **MAKLUMAT TAMBAHAN**

Sebarang pertanyaan berkaitan dengan Garis Panduan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] ini hendaklah dirujuk kepada:

**Bahagian Hal Ehwal Undang-undang**

**Jabatan Perdana Menteri**

**Aras 4 – 7, Bangunan Hal Ehwal Undang-undang,  
Presint 3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62692 PUTRAJAYA.**

**Telefon : (03) 8885 1000**

**Faks : (03) 8885 1048/ 1051/ 1088**

**E-mel : [whistleblower@bheuu.gov.my](mailto:whistleblower@bheuu.gov.my)**

**Nota**

1. Agensi penguatkuasaan yang tidak mempunyai pengalaman/kepakaran/SOP tentang pengendalian pemberi maklumat hendaklah mewujudkan program latihan atau melaksanakan skema pengendalian pemberi maklumat seperti yang telah dilaksanakan oleh agensi penguatkuasaan yang berpengalaman seperti SPRM, PDRM, Jabatan Kastam dan Jabatan Imigresen.
2. SOP yang telah disediakan oleh BHEUU bersama-sama 7 agensi penguatkuasaan utama (SPRM, PDRM, JPJ, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia) adalah bertujuan

untuk memberi garis panduan tentang bagaimana menerima pendedahan, membuat aduan tindakan yang memudaratkan, pembatalan perlindungan dan remedii. Ia bergantung kepada setiap agensi penguatkuasaan untuk menerima SOP yang telah disediakan ini sepenuhnya atau menggunakan kai mana-mana bahagian yang sesuai bagi memastikan setiap agensi penguatkuasaan melaksanakan Akta 711 secara seragam.

## **LAMPIRAN A**

### **SOP DAN BORANG BERKAITAN**

i) SOP 1 : Kelakuan Tidak Wajar

Borang 1 : Borang Pendedahan Kelakuan Tidak Wajar di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010

Borang 3 : Borang Makluman kepada Pemberi Maklumat di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010

ii) SOP 2 : Tindakan Yang Memudaratkan

Borang 2 : Borang Aduan Tindakan Yang Memudaratkan di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010

Borang 3 : Borang Makluman kepada Pemberi Maklumat di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010

iii) SOP 3 : Pembatalan


Borang 4 : Perintah Pembatalan di bawah Subseksyen 11 (1) Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010

iv) SOP 4 : Remedi

Borang 5 : Borang Permohonan Remedi di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010

# SOP 1 – KELAKUAN TIDAK WAJAR

## CARTA ALIRAN PROSEDUR MENGURUS PENDEDAHAN KELAKUAN TIDAK WAJAR (KTW) DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010



**SULIT**

**BORANG 1**



**KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI**

**BORANG PENDEDAHAN KELAKUAN TIDAK WAJAR DI BAWAH  
AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010**

**NO RUJUKAN:**

*Sila baca dengan teliti sebelum mengisi borang di bawah.*

<b>A BUTIR-BUTIR PERIBADI PEMBERI MAKLUMAT</b>			
1	Nama *		
2	No. Kad Pengenalan/ No.Tentera/ Pasport)* <i>(Lampirkan salinan kad pengenalan)</i>		
3	Jantina*		
4	Bangsa*		
5	Alamat Surat-Menyurat*		
6	No. Telefon	Rumah:	Pejabat:
		Bimbit:	
7	Bahasa Pertuturan		
8	Nama Penterjemah		
9	Alamat Emel		
10	Pekerjaan		
11	Nama dan Alamat Majikan		
12	No. Telefon Majikan		

**SULIT****NO RUJUKAN:**

<b>B</b>	<b>MAKLUMAT PIHAK YANG DIADU YANG TERLIBAT DENGAN KELAKUAN TIDAK WAJAR</b> <i>(Walaupun tiada maklumat orang yang diadu siasatan tetap akan dijalankan)</i>	
<b>1</b>	Nama Individu Yang Diadu (jika diketahui)	
<b>(a)</b>	No.Kad Pengenalan/ No. Tentera/ Pasport (jika diketahui)	
	Jawatan Individu yang Terlibat (jika diketahui)	
	Nama Jabatan/ Agensi/ Syarikat (jika diketahui)	
	Hubungan Pemberi Maklumat dengan orang yang diadu	
<b>(b)</b>	Nama Individu Yang Diadu (jika diketahui)	
	No.Kad Pengenalan/No. Tentera/Pasport (jika diketahui)	
	Jawatan Individu yang Terlibat(jika diketahui)	
	Nama Jabatan/Agensi/ Syarikat(jika diketahui)	
	Hubungan Pemberi Maklumat dengan orang yang diadu	
<b>(c)</b>	Nama Individu Yang Diadu (jika diketahui)	
	No.Kad Pengenalan/No. Tentera/Pasport (jika diketahui)	
	Jawatan Individu yang Terlibat (jika diketahui)	
	Nama Jabatan/Agensi/ Syarikat(jika diketahui)	
	Hubungan Pemberi Maklumat dengan orang yang diadu	

**SULIT****NO RUJUKAN:**

2	Butiran Kelakuan Tidak Wajar	<b>Tarikh:</b> <b>Masa:</b> <b>Tempat:</b> <b>Butiran Kejadian:</b>		
3	Adakah Anda Pernah Melaporkan Perkara Ini Kepada Agensi/ Jabatan Lain?	<table border="1" data-bbox="778 797 1103 887"><tr><td data-bbox="778 797 1103 887"><b>YA</b></td><td data-bbox="1103 797 1432 887"><b>TIDAK</b></td></tr></table> <p>Jika YA, nyatakan:</p> <p>(i) Nama Pegawai yang telah menerima laporan .....</p> <p>(ii) Kementerian/ Jabatan yang telah menerima laporan .....</p> <p>(iii) Tarikh laporan dibuat .....</p> <p>(iv) Status Kes Yang Diadukan .....</p>	<b>YA</b>	<b>TIDAK</b>
<b>YA</b>	<b>TIDAK</b>			

**Peringatan :**

- Sila kemukakan dokumen sokongan jika ada.
- Jika ruang tidak mencukupi gunakan helaian tambahan

**SULIT****NO RUJUKAN:**

C	PENGAKUAN
1	Saya mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan dalam borang ini adalah benar.
2	Saya faham bahawa dengan menandatangani borang ini saya dan mana-mana orang yang mempunyai hubungan rapat dengan saya akan mendapat perlindungan seperti yang diperuntukkan dalam <b>seksyen 7</b> Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.
3	Saya faham sekiranya pendedahan ini didapati palsu atau melanggar mana-mana peruntukan di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, saya akan didakwa dan perlindungan terhadap saya akan dibatalkan.
4	Saya bersetuju/ tidak bersetuju supaya maklumat ini boleh dimajukan kepada Jabatan lain yang berkenaan untuk disiasat sekiranya pendedahan ini bukan di bawah bidang kuasa Agensi Penguatkuasaan ini.
<b>Tandatangan :</b>	
<b>Nama</b>	:
<b>Tarikh</b>	:

**Untuk kegunaan pejabat**

No. Rekod :  
Pegawai yang menerima aduan :  
Tarikh :

---

Keputusan Pengarah/ Ketua Jabatan/ Bahagian/ Unit/ Seksyen/ Sektor

- Layak mendapat perlindungan  
 Tidak layak mendapat perlindungan, kerana dilarang oleh proviso seksyen 6  
 Tidak layak mendapat perlindungan, kerana lebih sesuai menjadi saksi  
 Siasat dan lapor  
 Salur maklumat kepada Jabatan/ Agensi .....

.....  
**Pengarah/ Ketua Jabatan/ Bahagian/ Unit/ Seksyen/ Sektor**

**SULIT**

**BORANG 3**



**KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI**

**BORANG MAKLUMAN KEPADA PEMBERI MAKLUMAT  
DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010**

**(Nama & Alamat Pemberi Maklumat)**

.....  
.....  
.....

Tuan,

**MAKLUMAN HASIL PENYIASATAN NO RUJUKAN FAIL : .....**

Saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Selaras dengan seksyen 13(4) atau 14(6) Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, dengan ini dimaklumkan bahawa hasil siasatan oleh Jabatan/ Bahagian ini ke atas pendedahan kelakuan tidak wajar/ aduan tindakan yang memudaratkan dan keterangan yang dikemukakan pada ..... (tarikh) adalah seperti berikut :-

- i.
- ii.
- iii.

3. Kerjasama pihak tuan diucapkan ribuan terima kasih.

Diserahkan oleh :

Diterima oleh :

.....  
Tandatangan Pegawai

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Masa :

Tempat :

.....  
Tandatangan Pemberi Maklumat

Nama :

No. K/P :


Tarikh :

Masa :

Tempat :

## SOP 2 – TINDAKAN YANG MEMUDARATKAN

**CARTA ALIRAN  
PROSEDUR MENGENDALIKAN DAN  
MENGURUSKAN ADUAN TINDAKAN YANG MEMUDARATKAN (TYM)  
DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010**



**KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI****BORANG ADUAN TINDAKAN YANG MEMUDARATKAN  
DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010****NO RUJUKAN:** 

1. Nama : .....
2. No.Kad Pengenalan/ No.Tentera/ Pasport : .....
3. Jantina :  Lelaki  Perempuan
4. Hubungan dengan Pemberi Maklumat : .....  
*(Jika berkaitan)*
5. Nombor rujukan Fail Pendedahan Kelakuan Tidak Wajar *(Jika Berkaitan)* : .....
6. Tarikh Keputusan Siasatan Pendedahan Kelakuan Tidak Wajar? : ....hb.....bulan.....tahun  
*(Jika Berkaitan)*
7. Alamat Surat Menyurat : .....  
.....  
.....
8. No. Telefon Rumah : ..... Pejabat : ..... Bimbit : .....
9. Bahasa Pertuturan: .....
10. Nama Penterjemah: .....
11. Pekerjaan : .....
12. Maklumat Tindakan memudaratkan yang Dihadapi:
  - i) Nama Orang/ Majikan yang diadu : .....
  - ii) Alamat Orang/ Majikan yang diadu : .....  
.....  
.....
  - iii) Tindakan memudaratkan yang diadu : .....  
.....  
.....

**Peringatan :**

- Sila kemukakan dokumen sokongan jika ada.
- Jika ruang tidak mencukupi gunakan helaian tambahan

<b>PENGAKUAN</b>	
1	Saya mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan dalam borang ini adalah benar.
2	Saya faham sekiranya aduan ini didapati palsu atau melanggar mana-mana peruntukan di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, saya akan didakwa.
3	Saya bersetuju/ tidak bersetuju supaya maklumat ini boleh dimajukan kepada Jabatan lain yang berkenaan untuk disiasat sekiranya aduan ini bukan di bawah bidang kuasa Agensi Penguinkuasaan ini.
<b>Tandatangan :</b>	
<b>Nama</b>	:
<b>Tarikh</b>	:

**Untuk kegunaan pejabat**

No. Rekod :  
Pegawai yang menerima aduan :  
Tarikh :

---

Keputusan Pengarah/ Ketua Jabatan/ Bahagian/ Unit/ Seksyen/ Sektor

Siasat dan lapor

Salur maklumat kepada Jabatan/ Agensi .....

.....  
**Pengarah/ Ketua Jabatan/ Bahagian/ Unit/ Seksyen/ Sektor**

**SULIT**

**BORANG 3**



**KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI**

**BORANG MAKLUMAN KEPADA PEMBERI MAKLUMAT  
DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010**

**(Nama & Alamat Pemberi Maklumat)**

.....  
.....  
.....

Tuan,

**MAKLUMAN HASIL PENYIASATAN NO RUJUKAN FAIL : .....**

Saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Selaras dengan seksyen 13(4) atau 14(6) Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, dengan ini dimaklumkan bahawa hasil siasatan oleh Jabatan/ Bahagian ini ke atas pendedahan kelakuan tidak wajar/ aduan tindakan yang memudaratkan dan keterangan yang dikemukakan pada ..... (tarikh) adalah seperti berikut :-

- i.
- ii.
- iii.

3. Kerjasama pihak tuan diucapkan ribuan terima kasih.

Diserahkan oleh :

Diterima oleh :

.....  
Tandatangan Pegawai

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Masa :

Tempat :

.....  
Tandatangan Pemberi Maklumat

Nama :

No. K/P :

Tarikh :


Masa :

Tempat :

## SOP 3 – PEMBATALAN

### CARTA ALIRAN

#### PROSEDUR KERJA PEMBATALAN PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010



**MALAYSIA**

**PERINTAH PEMBATALAN  
DI BAWAH SUBSEKSYEN 11 (1)  
AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010**

**No. Rujukan Fail :****Negeri:**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 11(1)(a/b/c/d/e/f) Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711],  
..... (Agensi Penguatkuasaan) dengan ini  
membatalkan Perlindungan Pemberi Maklumat kepada  
..... No. Kad Pengenalan/  
No.Tentera/ Pasport ..... yang diberikan  
menerusi pendedahan kelakuan tidak wajar berujukan  
..... bertarikh ..... Pembatalan ini berkuat kuasa mulai  
..... berdasarkan alasan seperti berikut  
.....  
.....  
.....


Dibuat pada ..... haribulan ..... tahun 20.....

---

Ketua Jabatan  
(Nama Agensi Penguatkuasaan)

## SOP 4 – REMEDI

### CARTA ALIRAN PROSEDUR MENGGENDALIKAN DAN MENGURUSKAN REMEDI DARIPADA MAHKAMAH DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010





## KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI

BORANG PERMOHONAN REMEDI  
DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010NO RUJUKAN: 

1. Nama : .....
2. No.Kad Pengenalan/ No.Tentera/ Pasport : .....
3. Jantina:  Lelaki  Perempuan
4. Hubungan dengan Pemberi Maklumat (*Jika berkaitan*) : .....
5. No Rujukan Kes (*Jika Berkaitan*): .....
6. Tarikh Keputusan Siasatan (*Jika Berkaitan*) : .....hb.....bulan.....tahun
7. Alamat Surat Menyurat :  
.....  
.....
8. No. Telefon Rumah : ..... Pejabat : ..... Bimbit : .....
9. Pekerjaan : .....
10. Nama dan Alamat Majikan :  
.....  
.....
11. Tindakan Memudarangkan Yang Dihadapi (*sila gunakan lampiran jika ruangan tidak mencukupi*) :  
.....  
.....
12. Remedi Yang Dipohon :
 

<input type="checkbox"/>	Ganti Rugi/ Pampasan	Jumlah : RM.....
<input type="checkbox"/>	Injunksi	
<input type="checkbox"/>	Penempatan Semula Tempat Kerja	
<input type="checkbox"/>	Lain-lain Relief	
13. Kaedah tuntutan remedii :
 

<input type="checkbox"/>	Menerusi agensi penguatkuasaan <sup>1</sup>
<input type="checkbox"/>	Menerusi kaedah lain

Tandatangan Pemohon : .....

Tarikh : .....

Nama Pemohon : .....

<sup>1</sup> Saya bersetuju untuk menanggung segala kos sebagai ganti rugi sekiranya saya membuat permohonan pelepasan tanggungjawab daripada mahkamah.